



## DEPARTMENT OF GENERAL STUDIES

## FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) :

Student ID (in Words) : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

---

Course Code & Name	:	<b>MPU3212 BAHASA KEBANGSAAN A</b>
Trimester & Year	:	May - August 2019
Lecturer/Examiner	:	Normaizura Md Zain
Duration	:	2 Hours

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

1. This question paper consists of 2 parts:
 

<b>PART A (30 marks)</b>	: 30 multiple choice questions. Answers are to be shaded in the Multiple Choice Answer Sheet provided.
<b>PART B (70 marks)</b>	: SOALAN 1 – Kefahaman dan Tatabahasa SOALAN 2 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)
2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

**WARNING:** The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

**Total Number of pages = 11 (Including the cover page)**

## BAHAGIAN B

**SOALAN 1 : SOALAN SUBJEKTIF (40 MARKAH)**  
**ARAHAN** : Jawab semua soalan di bawah ini.

---

### PEMAHAMAN TEKS (20 markah)

#### Petikan (i)

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Saya mengaku saya agak nakal. Tetapi cuma setakat menyampuk cakap rakan atau guru dan membuat jenaka dalam kelas. Akibat perbuatan saya itu, saya pernah diminta berdiri di sudut kelas. Alangkah tersinggungnya saya ketika itu dan saya terus membuat keputusan tidak mengambil mata pelajaran Sejarah yang diajar oleh guru tersebut. Mungkin saya begitu sensitif ketika itu tetapi saya sama sekali tidak menyalahkan beliau.

Di rumah kami tinggal dalam kumpulan yang besar. Jumlah 15 orang, termasuk ibu bapa, dan menjadikan rumah itu sesak. Rumah saya ada sebuah bilik, ruang makan, dan ruang tamu. Kami tidur di ruang tamu, di atas tikar yang dibentang khas untuk tidur dan digulung kembali pada waktu pagi. Kadang kala tetamu datang sewaktu kami sudah membentang tikar untuk tidur. Kelam-kabut kami menggulungnya kembali dan tergesa-gesa ke belakang rumah sementara tetamu pulang. Dalam keadaan mengantuk, kami terpaksa duduk tercatuk dalam kegelapan. Ini adalah **asam garam hidup** apabila dikenang.

Dalam keadaan rumah yang sempit, kami dididik dengan cara yang tersendiri. Antaranya kami lebih bersikap timbang rasa dan bertolak ansur. Kami belajar dalam suasana bising. Kami makan bergilir-gilir mengikut kumpulan. Kami mandi di kolam yang terletak di masjid sebelah rumah kerana terlalu lama menunggu giliran ke bilik air. Ini merupakan satu keseronokan dan dapat mengeratkan lagi hubungan keluarga. Keadaan rumah sentiasa hiruk-pikuk. Semasa belajar suasana hiruk pikuk itu tidak pernah luput. Siapakah yang mahu mengawal jumlah yang ramai itu? Akibatnya saya menjadi lali dengan keadaan itu sehingga saya memerlukan suasana itu ketika belajar. Misalnya, ketika melanjutkan pelajaran di Australia, saya memasang lagu nyanyian Elvis Presley sekuat-kuatnya ketika mengulang kaji. Ketika mula berada di Australia, memanglah janggal berada di negara yang berbeza daripada adat resam hidup kita. Cuaca sejuk menyambut saya di Perth. Saya kuatkan azam dan semangat. Bak kata pepatah “masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak”.

1. Terangkan maksud frasa *asam garam hidup* berdasarkan penggunaannya dalam petikan. **(2 markah)**
2. Berdasarkan petikan cerpen di atas, nyatakan **DUA (2)** bentuk kenakalan yang dilakukan oleh ‘aku’. **(2 markah)**
3. Nyatakan **EMPAT (4)** keadaan yang dilalui oleh ‘aku’ apabila dia terpaksa hidup dalam sebuah keluarga yang besar dan keadaan rumah yang sempit. **(4 markah)**
4. Apakah yang anda faham dengan peribahasa “masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak” berdasarkan petikan cerpen tersebut? **(2 markah)**

## Petikan (ii)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

### ISU PLAGIARISME DALAM KALANGAN PELAJAR

Plagiarisme merupakan satu masalah etika yang telah lama wujud sejak awal tahun 1600-an lagi. Namun, pada zaman berteknologi khususnya internet, masalah plagiarisme telah berkembang dengan serius. Sebelum perkembangan internet, pelajar memplagiati dengan cara yang tradisional, iaitu mencari maklumat melalui bahan bercetak yang berada di perpustakaan dan menyalinkannya ke dalam kertas dengan penggunaan pensil atau pen. Cara yang lain pula adalah dengan menaip semula ke dalam komputer, mencetak dan menghantarkannya untuk dinilai oleh pengajarnya. Situasi ini telah berubah setelah penggunaan internet diperluaskan. Pelajar hanya menyalin dan menampalkan (*copy paste*) pernyataan yang dikehendaki melalui maklumat yang didapati melalui internet tanpa menulis sumber rujukan yang sesuai atau memberi pengiktirafan kepada pengarang asal.

Kajian lepas telah menyatakan terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan masalah plagiarisme melalui penggunaan internet semakin menjadi-jadi. Antara faktor yang menyebabkan masalah plagiarisme melalui penggunaan internet adalah seperti sikap individu itu sendiri yang tidak bertanggungjawab dan hanya mementingkan diri sendiri sahaja. Para pelajar yang malas berusaha dan menyiapkan tugas di saat-saat akhir juga mempunyai kecenderungan untuk memplagiati hasil kerja orang lain. Seterusnya, kemudahan internet yang terdapat di mana-mana sahaja serta menghasilkan dapatan maklumat yang cepat dan pantas tentu sekali mendorong mereka **memilih jalan pintas** untuk menyiapkan sesuatu tugas. Para pelajar sepatutnya menyedari kemudahan internet ini bukanlah satu kelebihan untuk memudahkan pekerjaan mereka dengan meniru sahaja sebaliknya, ia perlu dimanfaatkan dengan menjadikan sesuatu maklumat itu sebagai sumber rujukan. Kemudian, mereka perlu membuat kesimpulan atau menghasilkan satu kefahaman sendiri. Hal inilah yang akan menjadikan seseorang itu mempunyai satu kualiti yang bagus.

Terdapat juga faktor seperti para pelajar tidak yakin dengan keupayaan sendiri sehingga mereka terpaksa menggunakan sumber rujukan asal itu sebagai satu kerja yang lebih bagus untuk dinilai oleh guru atau pensyarah mereka. Kebimbangan dari aspek isi-isi yang dibincangkan, huraiyan yang perlu dimasukkan serta aspek bahasa membuatkan mereka terpaksa menggunakan bahan rujukan yang asal dan diolah sedikit sahaja sebagai langkah keselamatan. Malangnya, mereka tidak sedar hasil kerja yang diplagiat akan mudah dikesan oleh pensyarah. Ada juga yang mengatakan bahawa plagiarisme terjadi disebabkan oleh ketidakfahaman konsep plagiarisme melalui penggunaan internet. Mereka menganggap bahawa menyalin pernyataan daripada bahan bercetak seperti buku adalah salah tetapi menyalin pernyataan daripada internet adalah diterima. Jelas di sini menunjukkan bahawa pelajar tidak faham konsep sebenar plagiarisme melalui penggunaan internet lain dan menggunakan sebagai karyanya sendiri.

Masalah plagiarisme melalui penggunaan internet akan memberi impak yang besar terhadap pembelajaran pelajar universiti. Mereka akan menjadi sebuah generasi yang hanya tahu menciplak, memplagiati dan meniru hasil kerja orang lain tanpa mahu mengerah otak dan berfikir secara kreatif dan kritis.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan frasa **memilih jalan pintas**?  
**(2 markah)**
2. Berdasarkan petikan, nyatakan **EMPAT (4)** faktor berlakunya plagiarisme dalam kalangan pelajar?  
**(4 markah)**
3. Berikan **DUA (2)** pendapat anda tentang cara-cara untuk mengelakkan berlakunya plagiarisme dalam kalangan pelajar.  
**(4 markah)**

## **TATABAHASA (20 markah)**

*Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan **WAJIB** dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.*

- a) Tulis ayat berdasarkan setiap perkataan di bawah ini supaya jelas menunjukkan maksud dan penggunaannya.

- I. mandi-manda (**2 markah**)
- II. kayu-kayan (**2 markah**)
- III. lalu-lalang (**2 markah**)
- IV. ramah-tamah (**2 markah**)
- V. kusut-masai (**2 markah**)

**(10 markah)**

- b) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan imbuhan**. Anda perlu menyalin petikan teks di bawah dengan jawapan yang betul tanpa mengubah maksud atau struktur ayat asal teks di bawah. Jawapan mestilah ditulis di kertas jawapan sahaja.

Kementerian Kewangan persetujuan dengan syor Kementerian Pendidikan supaya meneruskan sekim bantuan baucer buku kepada mahasiswa. Hal ini bertujuan untuk terbantu mengurangkan beban kewangan pelajar institusi mengaji tinggi dan menyokong industri perbukuan di Malaysia. Pihak kementerian juga dilahirkan harapan supaya gulungan pelajar dengan baik dan tidak bergunanya ke arah perkara yang tidak berfaidah.

**(10 markah)**

**SOALAN 2****: SOALAN ESEI (30 MARKAH)****ARAHAN**

: Bahagian ini terdiri daripada **SATU (1)** bahagian yang wajib dijawab.

---

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 450 patah perkataan**.

1. Huraikan peranan **LIMA (5)** badan atau individu di bawah dalam membantu meningkatkan taraf kedudukan bahasa Melayu di pentas antarabangsa.

- i. Dewan Bahasa dan Pustaka
- ii. pendidik
- iii. mahasiswa
- iv. pengamal media
- v. penggiat sektor swasta

**ATAU**

2. Huraikan usaha-usaha yang dapat dilakukan oleh ahli keluarga untuk memupuk sikap berjimat cermat dalam kalangan anak-anak mereka.

**ATAU**

3. Fenomena vandalisme dalam kalangan remaja amat membimbangkan semua pihak. Bincangkan usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk menangani masalah ini.